

## **KEJAYAAN PASUKAN ROBOTIK POLITEKNIK MALAYSIA DI KEJOHANAN 22<sup>ND</sup> FIRA ROBOWORLD CUP & CONGRESS TAIWAN 2017 PADA 22 - 29 OGOS 2017**

### **Pengenalan :**

Kejohanan FIRA (*The Federation of International Robot-soccer Association*) Roboworld Cup merupakan satu kejohanan robotik di peringkat antarabangsa yang diadakan setiap tahun. Kejohanan ini telah bermula pada tahun 1996. Pada tahun 2013, Malaysia telah diberi mandat oleh FIRA untuk menganjurkan kejohanan 18<sup>th</sup> FIRA Roboworld Cup & Congress Kuala Lumpur 2013. Penganjuran berkenaan telah mendapat kepercayaan yang penuh oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga sokongan daripada Dato Seri Idris Jusoh yang merupakan Menteri Pendidikan II pada ketika itu.

Bagi tahun 2017, kejohanan ini telah memasuki tahun ke-22 dan tuan rumah bagi tahun ini adalah Taiwan. Kejohanan pada kali ini telah diadakan pada 22 – 29 Ogos 2017 di Kaohsiung, Taiwan. Kejohanan 22<sup>nd</sup> FIRA Roboworld Cup & Congress Taiwan 2017 mempertandingkan 5 kategori utama iaitu :

- (a) *Humanoid Robot World Cup (HuroCup)*;
- (b) *Android Soccer Tournament (AndroSot)*;
- (c) *Robo Soccer Tournament (RoboSot)*; dan
- (d) *Simulation Robo Soccer Tournament (SimuroSot)*.

## **Kejayaan :**

Pada kali ini, Pasukan Politeknik Malaysia yang diwakili oleh Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Port Dickson (PPD), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah berjaya merangkul :

4 pingat emas

7 pingat perak

5 pingat gangsa

Saingan pada tahun ini agak sengit disebabkan peningkatan keupayaan pasukan yang bertanding untuk setiap kategori. Pingat-pingat emas yang disumbangkan pada kali ini datangnya dari kategori HuroCup iaitu 2 pingat emas untuk sub-kategori Basketball dan Spartan Race , Androsot iaitu 1 pingat emas dalam sub-kategori 3vs3 Soccer manakala Robosot iaitu 1 pingat emas dalam sub-kategori Passing Challenge.

Di antara pasukan-pasukan yang telah ditewaskan oleh Pasukan Politeknik Malaysia terdiri daripada pasukan Mexico, Taiwan, Canada, Indonesia, China dan Korea Selatan. Para pelajar yang mewakili Pasukan Politeknik Malaysia terdiri daripada pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer & Komunikasi), Diploma Kejuruteraan Mekatronik dan Diploma Teknologi Malumat telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dan mempunyai semangat juang yang tinggi dalam mencapai kejayaan ini.

Penyedia Laporan:

Unit Kejuruteraan Elektrik, Bahagian Pembangunan Kurikulum

Koleksi Gambar:



Gambar 1:

Flag Off pasukan Politeknik Malaysia di KLIA sebelum berlepas ke Taiwan



Gambar 2:  
Sekitar Pertandingan Fira Roboworld Cup & Congress 2017

**22ND FIRA ROBOWORLD  
CUP TAIWAN 2017  
POLITEKNIK MALAYSIA**



	EMAS	PERAK	GANGSA
ROBOSOT	1	2	2
ANDROSOT	1	2	1
HUROCUP	2	3	2
SIMUROSOT			
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>7</b>	<b>5</b>

Gambar 3:

Pencapaian Pasukan Politeknik Malaysia mengikut kategori dan bilangan pingat



Gambar 4:  
Meraikan kejayaan Pasukan Politeknik Malaysia



PELAJAR politeknik menangkan robot Bioloid yang akan menyertai pertandingan FIRA Roboworld di Taiwan.

## Empat politeknik bawa cabaran Malaysia

**B**AGI memerasakan tecemelangan pasukan politeknik Malaysia dalam Kongres dan Kejohanan Persatuan Robot Bola Sepak Antarabangsa (FIRA) Roboworld, empat politeknik telah dipilih mewakili negara pada kejohanan tersebut, tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, **Datuk Dr. Mohd Ismail Abd Aziz** berkata, empat politeknik berkenaan adalah Politeknik Sultan Idris Shah, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang dan Politeknik Port Dickson.

Kejohanan kali ke-22 yang akan berlangsung pada 22 hingga 29 Ogos di Taiwan itu akan

Oleh **DIANA AZIS**  
kampus@utusan.com.my



disertai 24 orang pelajar dan lapan penyarah bimbingan. "Mereka akan bertanding dalam empat kategori utama iaitu *Humanoid*, *AndroSof*, *Robot* dan *SumoBot* serta 30 subkategori lain.

"Kejohanan ini merupakan kali kelapan penyertaan politeknik Malaysia dalam FIRA

Roboworld dan mereka akan bertanding dengan 10 negara lain bagi merangkul kejayaan." katanya ketika ditemui selepas lawatan kerja sempena persiapan pasukan politeknik Malaysia ke kejohanan tersebut, baru-baru ini.

Kejohanan FIRA Roboworld merupakan acara tahunan yang diadakan sebagai platform pertandingan robot bola sepak serta sebagai medan pembentangan mengenai perkembangan teknologi robotik pada peringkat antarabangsa.

Pertandingan ini mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 pelajar politeknik yang mengaplikasi kemahiran pengaturcaraan dan pengekodan

robot yang bakal bestanding di Taiwan nanti.

Mohd. Ismail berkata, peserta yang dipilih adalah dalam kalangan pelajar yang beraksi cemerlang pada Kongres dan Pertandingan Piala Malaysia FIRA, Mei lalu.

Katanya, pertandingan tersebut merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh politeknik yang bertujuan mengukuhkan pelaksanaan program pendidikan dan latihan teknik serta vokasional.

Secara tidak langsung katanya, pertandingan itu dapat membantu pelajar untuk berfikir kreatif dalam melakukan inovasi dan strategi terbaik pada robot pasukan

kampus@utusan.com.my

helokampus

### APA KATA MEREKA

"SEBAGAI persiapan menjelang kejohanan di Taiwan, kami telah berlatih dan mempertaiki kelemahan pada robot selepas tamat kejohanan FIRA Malaysia, Mei lalu.

"Tusteru saya berharap pasukan pasukan politeknik Malaysia dapat memberi saingan sengit pada peserta dari negara lain, sekaligus meraih kemenangan.



**MOHD. ISMAIL ABD. AZIZ** (tiga dari kanan) tertarik melihat aksi robot yang dikawal menggunakan sistem *Artificial Intelligent* ketika meninjau persiapan pasukan Robot Soccer Politeknik Malaysia.

**MUHAMMAD MUKRIZ MOHAMAD, 20**  
Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah

"MENJELANG kejohanan, kami lebih banyak mengutar strategi supaya robot *Pilot* dapat memberi saingan sengit dalam kategori *AndroSof*.

"Kami menyoalakan tiga emas dalam kategori *AndroSof* dan berharap agar dapat mengelakkan momentum sehingga hari pertandingan.



**JACKSON DIAN, 20**  
Pelajar Politeknik Ungku Omar



MOHD ISMAIL ABD AZIZ (tengah) bersama penyarah dan pelajar yang menyertai kejohanan FIRA Roboworld di Taiwan.

Gambar ABD. RAZAK ABD

PELAJAR politeknik mengawal robot *Bioloid* dengan menggunakan komputer riba dan telefon pintar ketika mengadakan demonstrasi di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan baru-baru ini.



Gambar 5:

Liputan di media elektronik dan di dada akhbar